

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.11.2016

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan GST untuk tahun 2015 dan pertengahan tahun pertama 2016 serta jelaskan sama ada sasaran kutipan tercapai atau sebaliknya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion. Anggaran disemak semula bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM38.5 bilion berbanding dengan sasaran awal hasil GST seperti yang diumumkan dalam Bajet 2016 sebanyak RM39 bilion. Bagi tahun 2017

pula, hasil GST dianggarkan sebanyak RM40 bilion setelah mengambilkira faktor pertumbuhan ekonomi, peningkatan penggunaan persendirian dan pemantapan penguatkuasaan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.